



# Mahasiswa Jejak Kepelbagaian Etnik di Sabah

Seramai 65 pelajar telah menyertai Program Dokumentari Jejak 214 anjuran Sekretariat Rukun Negara UMS (SRNUMS) baru-baru ini.

Menurut penyelar program, Kim Asbiyallah Shah Akim, penganjurannya bertujuan menjejaki 214 etnik yang terdapat di Sabah.

“Salah satunya adalah etnik Dusun di Kundasang dan Kudat. Para pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan dan menjadi anak angkat masing-

masing di Walai Tokou Homestay Kundasang dan Misompuru Homestay Kudat,” katanya kepada media Canselor.

Ujar beliau, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program, antaranya mempelajari kehidupan harian kaum Dusun di Kundasang dan etnik Rungus di Kudat.

Program selama lima hari itu dianjurkan dengan kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI),

**Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan dan menjadi anak angkat**

Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah.